



# **PIAGAM PELANGGAN JKNS**

# PIAGAM PELANGGAN

## TERAS PIAGAM

Piagam ini ditujukan khas kepada setiap pelanggan yang berurusan dengan Jabatan Kesihatan Negeri Selangor



**Kemudahan  
Untuk  
Pelanggan**



**Taraf  
Perkhidmatan**



**Maklumat  
Perkhidmatan**



**Pendidikan  
Kesihatan**

# PIAGAM PELANGGAN

## KEWAJIPAN PELANGGAN

Untuk membolehkan Jabatan Kesihatan Negeri Selangor melaksanakan Piagam ini dengan berkesan, pelanggan adalah berkewajipan untuk :

- Mematuhi semua undang-undang dan peraturan yang berkaitan;
- Menjaga kesihatan dirinya dan masyarakat dengan mengamalkan cara hidup yang sihat; dan
- Menggunakan kemudahan-kemudahan yang disediakan secara bertanggungjawab.

# PIAGAM PELANGGAN

## 1. Kemudahan Untuk Pelanggan

- 1.1 Setiap pelanggan boleh mendapat perkhidmatan yang sewajarnya daripada jabatan ini tanpa mengira umur, jantina, keturunan, agama atau taraf sosial-ekonomi
- 1.2 Setiap pelanggan yang ditakrifkan sebagai dalam keadaan kecemasan akan diberi perkhidmatan dengan segera

## 2. Taraf Perkhidmatan

- 2.1 Setiap pelanggan akan dilayan dengan baik, mesra, bertimbangrasa, hormat, bersopan santun, jujur dan ikhlas
- 2.2 Setiap pelanggan akan diberi perkhidmatan sebaik mungkin secara profesional
- 2.3 Setiap pelanggan akan disediakan dengan kemudahan dan persekitaran yang bersih dan sempurna

# PIAGAM PELANGGAN

## 3. MAKLUMAT PERKHIDMATAN

- 3.1 Setiap pelanggan boleh mendapat penjelasan dan nasihat mengenai perkhidmatan yang diberikan kepadanya.
- 3.2 Setiap pelanggan boleh mendapat laporan mengenai perkhidmatan yang diterimanya secepat mungkin setelah membuat permohonan mengikut peraturan yang ditetapkan.

## 4. PENDIDIKAN KESIHATAN

- 4.1 Setiap pelanggan akan diberikan maklumat mengenai aspek-aspek penting dari segi rawatan kesihatan dan pencegahan penyakit.

**TERIMA  
KASIH**

